

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan  
**DARIPADA** : Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said  
[ Pengerang ]  
**TARIKH** : 12 November 2014  
**SOALAN** : Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said  
minta **MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah  
jenis rancangan pembangunan nelayan  
yang ditawarkan termasuk kepada nelayan  
di Parlimen Pengerang supaya mereka lebih  
berpengetahuan dan berkemahiran dalam  
aktiviti penangkapan ikan sekaligus  
meningkatkan lagi pendapatan isi rumah  
mereka.

**JAWAPAN** :

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sentiasa mengambil perhatian akan pembangunan golongan nelayan bagi meningkatkan sara hidup mereka ke arah menikmati hidup yang lebih selesa.

Bagi memastikan masyarakat nelayan tidak ketinggalan dan mendapat manfaat dari kerajaan untuk meningkatkan sosiekonomi mereka, program seperti latihan teori dan amali kepada nelayan telah dijalankan oleh Kementerian. Sejumlah 126 orang nelayan di Pengerang, Johor telah mengikuti pelbagai latihan berasaskan perikanan seperti Produk Inovasi Otoshimi dan Surimi, Produk Inovasi Ikan Ternakan, *Selam Scuba*, *Selam Scuba Advance*, Pelayaran dan Peralatan Navigasi serta Enjin Sangkut. Mereka dilatih secara teori dan amali serta diberikan kemudahan penginapan dan makan.

Program-program kursus dan latihan kepada golongan nelayan telah diperkenalkan sejak tahun 2001. Sehingga kini seramai 1,791 orang nelayan telah mengikuti pelbagai kursus anjuran Jabatan Perikanan Malaysia dan menerima manfaat daripadanya. Jabatan Perikanan Malaysia turut menggalakkan nelayan tradisional menceburi bidang akuakultur marin dan industri hiliran sebagai usaha mempelbagai dan meningkatkan pendapatan nelayan.

Kerajaan telah memperuntukkan RM60 juta pada tahun 2015 untuk Program Mempelbagai Ekonomi Nelayan Tradisi Melalui Aktiviti Akuakultur (RM45 juta) dan Pemulihan Kolam/Sangkar, Infra, Benih, Makanan, Peralatan (RM15 juta) untuk dilaksanakan melalui Kementerian dan Jabatan Perikanan di seluruh Malaysia. Usaha ini adalah bagi memastikan rakyat mendapat faedah termasuklah nelayan di Pengerang, Johor.

Selain itu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dengan kerjasama Persatuan Nelayan Kawasan Pengerang dan GIATMARA Johor memperuntukkan kursus dan latihan yang bersesuaian bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran nelayan kepada masyarakat nelayan di kawasan Parlimen Pengerang. Di antara kursus dan latihan yang ada ialah:

- (i) Kursus Pembaikan dan Penyelenggaraan Enjin Sangkut;
- (ii) Kursus Pembaikan dan Penyelenggaraan Bot Fiber; dan
- (iii) Kursus Penggunaan Peralatan *Global Position System* (GPS), *Echo Sounder* dan lain-lain peralatan moden yang berkaitan.